

Tindakan SAPP tak beri tekanan terhadap BN

BM 22/6/08 M154

Parti komponen tekad beri sokongan padu kekal keutuhan: Najib

Oleh Sariha Mohd Ali

MARAN: Datuk Seri Najib Razak berkata, Barisan Nasional (BN) tidak berasa tertekan dengan tindakan Parti Maju Sabah (SAPP) yang tetap mahu mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Isnin ini.

Malah, Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan SAPP itu langsung tidak menggugat atau mengancam kekuatan dan keutuhan BN yang setakat ini masih mempunyai majoriti mencukupi.

Bagaimanapun, katanya, BN tetap

“*Kita tidak mahu rakyat dan mereka di luar BN melihat kita (BN) daripada persepsi mereka, kononnya keutuhan BN terancam, sedangkan kita masih ada majoriti mencukupi”*

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

akan memantau situasi politik negara walaupun dalam mesyuarat Majlis Tertingginya baru-baru ini, semua parti komponen sudah memberi perakuan untuk memberi sokongan padu kepada BN dan Perdana Menteri.

"Apa yang dilakukan SAPP tidak memberi kesan kepada BN, tetapi kita akan memantau keadaan ini secara berterusan.

"Sebenarnya, tindakan SAPP tidak menggugat kekuatan BN tetapi kita terpaksa tangani segera persepsi rakyat berhubung perkara ini," katanya selepas melancarkan Pusat Pembelajaran Sains (PPS) di Sekolah Menengah Harian Berasrama Bagi

Murid Felda dan Luar Bandar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jengka 2, dekat sini, semalam.

Mengulas sama ada kemelut yang berlaku ini membuktikan kebenaran dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim berjaya memujuk Ahli Parlimen BN berpaling tadah untuk menyertai Pakatan Rakyat dan menubuhkan kerajaan baru, Najib berkata:

"Setakat ini, kita tidak tahu lagi sebab mereka (SAPP) tidak mengambil keputusan untuk keluar BN, malah SAPP juga tidak menyatakan yang mereka mahu menyertai pembangkang," katanya.